MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
NEWSLETTER

DOSM/BPPD/13.2024/SIRIES 63

# BENCANA BANJIR

## TUMPAT : FAKTA DAN ANGKA

### LATAR BELAKANG

- Jajahan Tumpat terletak 22.5 kilometer di barat laut Kota Bharu. Tumpat bermaksud tamat atau penyudah sesuatu tetapi bagi perkataan Melayu, tumpat juga bermakna suatu ruang kosong yang penuh terisi.

- Kepesatan pembangunan yang dialami di Jajahan Tumpat pada waktu itu serentak dengan perkembangan Pelabuhan dan Stesen Keretapi yang merupakan nadi perhubungan dan pengangkutan di Pantai Timur.




- Keluasan bagi Jajahan Tumpat adalah 190.2 kilometer persegi bersempadanan dengan daerah Kota Bharu dipisahkan oleh Sungai Kelantan dan Jambatan Sultan Yahya Petra sebagai penghubung dan bersempadanan dengan daerah Pasir Mas yang mana jalan Kg. Kutan dan jalan Kg. Jambu sebagai penghubung. Manakala, Jajahan Tumpat juga bersempadanan Thailand yang dipisahkan melalui Sungai Golok.

- Bentuk muka bumi bagi Jajahan Tumpat keseluruhannya terdiri daripada tanah gambut dan tanah liat, terletak di lembangan Sungai Kelantan. Tumpat juga merupakan kawasan yang terletak di sepanjang pesisiran laut, termasuk Pantai Sri Tujuh yang terkenal.

- Tumpat terdedah kepada tiupan angin Monsun Timur Laut dan hampir setiap tahun dilanda bencana banjir. Hal ini disebabkan sistem perparitan dan saliran yang tidak sempurna di mana terdapatnya sungai yang sempit dan tebing yang rendah. Banjir ini juga sering terjadi kerana pemendapan dan hakisan sungai atau pantai yang disebabkan hakisan semula jadi dan juga pembuangan sisa domestik manusia.



Sumber:
1. My Local Stats, Tumpat Kelantan 2023
2. https://mdtumpat.kelantan.gov.my/index.php
3. https://heritagemalaysia.my/Klt-Tumpat.html
4. Penerbitan Rancangan Tempatan Jajahan Tumpat 2035 oleh PLANMalaysia, 2023

@StatsMalaysia

# MENGIMBAS BANJIR BESAR DI DAERAH TUMPAT, KELANTAN



Sumber : https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/11/630175/monsun-ingatkan-tragedi-bah-kuning-2014
Sumber : https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/12/20/banjir-kelantan-sabtu

## BANJIR BESAR 2014

- Pada tahun 2014, menurut portal banjir kerajaan negeri, jumlah mangsa banjir di Jajahan Tumpat adalah 3,310 orang yang ditempatkan di 8 PPS.



Sumber: https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/12/19/banjir-di-tumpat-terburuk-dalam-tempoh-31-tahun-kata-penduduk/

Sumber : https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/banjir-tumpat-pula-tenggelam/

## BANJIR TAHUN 2022

- Pada tahun 2022, banjir telah melanda jajahan Tumpat susulan hujan lebat yang berterusan tanpa henti sehingga disifatkan penduduk antara banjir yang terburuk sejak 31 tahun lalu, apabila paras air naik secara mendadak.

- Tumpat menjadi jajahan terbaharu yang ditenggelami banjir apabila mangsa banjir di daerah ini kembali meningkat kepada 8,912 orang.



@StatsMalaysia

# HIDROGRAF STESEN




Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Golok di Kuala Jambu (F1), Tumpat berada di paras bahaya pada 28 November 2024 dan dan masih kekal sehingga 04 Disember 2024.





Sumber :
1. https://publicinfobanjir.water.gov.my/
2. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024

@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA MADANI
1949-2024 DOSM 75
Ulang Tahun Jubli Intan
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
STATISTIK NADI KEHIDUPAN
2016 - 2030

# DAERAH : TUMPAT

## RAMALAN CUACA

| TARIKH | CUACA | RAMALAN |
|---|---|---|
| 09/12/2024<br>Isnin | Hujan menyeluruh | **Pagi:** Hujan menyeluruh<br>**Petang:** Hujan di kebanyakan tempat<br>**Malam:** Hujan di kebanyakan tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 10/12/2024<br>Selasa | Hujan di kebanyakan tempat | **Pagi:** Hujan di kebanyakan tempat<br>**Petang:** Hujan di kebanyakan tempat<br>**Malam:** Hujan di kebanyakan tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 11/12/2024<br>Rabu | Hujan menyeluruh | **Pagi:** Hujan menyeluruh<br>**Petang:** Hujan menyeluruh<br>**Malam:** Hujan menyeluruh<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 12/12/2024<br>Khamis | Hujan di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Hujan di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 13/12/2024<br>Jumaat | Hujan di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Hujan di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 14/12/2024<br>Sabtu | Hujan di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Hujan di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 15/12/2024<br>Ahad | Hujan di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Hujan di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia



@StatsMalaysia

# BANJIR 2024

➢ Sejumlah 46 PPS beroperasi bagi menempatkan mangsa banjir di Jajahan Tumpat sehingga 4 Disember 2024 adalah seperti berikut:

## PETA TABURAN PENDUDUK MENGIKUT MUKIM / BANDAR / PEKAN DAN *HOTSPOT* PPS

### Bilangan Mangsa di PPS

- 12,470
- 7,287
- 707

Sumber:https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/portal/index Data sehingga 04 Disember 2024




Sumber:https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/portal/index

### Senarai Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

**JAJAHAN DAERAH TUMPAT**

**SEKOLAH**

- PPS MRSM TUMPAT
- PPS MAAHAD MUHAMMADI TUMPAT
- PPS MAAHAD TAHFIZ HAJI RONI
- PPS SEK KEB WAKAF BHARU
- PPS SEK KEB SERI WAKAF BHARU
- PPS SEK KEB PENGKALAN KUBOR 2
- PPS SEK KEB SERI TUMPAT 1
- PPS SEK KEB KUBANG BATANG
- PPS SEK KEB SERI TUMPAT 2
- PPS SEK KEB PADANG POHON TANJUNG
- PPS SEK KEB BERANGAN 1
- PPS SEK KEB KOK PASIR
- PPS SEK KEB KELABORAN
- PPS SEK KEB BUNOHAN
- PPS SEK KEB TUMPAT
- PPS SEK KEB KUTAN
- PPS SEK KEB KOK KELI
- PPS SEK KEB KAMPUNG LAUT
- PPS SEK KEB BERANGAN 2
- PPS SEK KEB CHABANG EMPAT
- PPS SEK KEB KEBAKAT
- PPS SEK KEB PALEKBANG
- PPS SEK KEB SUNGAI PINANG
- PPS SEK KEB MORAK
- PPS SEK KEB SERI KAMPUNG LAUT
- PPS SEK MEN KEB MAHMUD MAHYIDDIN
- PPS SEK MEN KEB GETING
- PPS SEK MEN KEB CHABANG EMPAT
- PPS SEK MEN KEB DATO BIJI WANGSA
- PPS SEK MEN KEB TUMPAT
- PPS SEK MEN KEB WAKAF BHARU
- PPS SEK MEN KEB ARAB FALAHIAH
- PPS SEK MEN KEB KUTAN
- PPS SEK MEN KEB BERANGAN
- PPS SEK MEN KEB KAMPUNG LAUT
- PPS SEK MEN (U) ARAB BUSTANUS SAADAH - MORAK

**SURAU**

- SURAU IPD TUMPAT

**TOKONG**

- WAT PHOTIVIHAN - JAMBU
- WAT MENTUA @ WAT PRACHUMCHON
- WAT SUKOHARAM – KOK SERAYA
- WAT PHIKULNYAI – JUBAKAR DARAT
- WAT PHIKULTONG - TERBAK
- WAT MACHIMARAN – JUBAKAR DARAT
- WAT PRACHUMTHATCABARAM – KAMPUNG DALAM

**DEWAN**

- DEWAN PEJABAT PENGGAWA PENGKALAN KUBOR
- DEWAN KOMUNITI TUMPAT



Sumber : https://www.sinarharian.com.my/



Sumber : https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024

# IMPAK BANJIR




501awani • Follow
Original audio

501awani Tanaman padi seluas 981 hektar yang terjejas banjir baru-baru ini dengan kerugian lebih RM10 juta, tidak dilindungi skim takaful dan pesawah akan diberikan bantuan daripada tabung bencana Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). #AWANInews

1w

57 likes

December 8

Log in to like or comment.

Sumber: https://www.instagram.com/reel/DDToJUgMkg4/?hl=en

## Banjir: Sektor pertanian di Kelantan kerugian mencecah RM10 juta - KADA

**TUMPAT:** Sektor pertanian di negeri Kelantan dianggarkan mengalami kerugian mencecah RM10 juta termasuk kerosakan infrastruktur, susulan banjir gelombang fasa pertama yang berlaku pada akhir bulan lepas.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Khalid Samad berkata antara daerah yang terjejas ialah daerah Kota Bharu Utara, Kota Bharu Selatan, Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas dan Tumpat.

Beliau berkata sebahagian kerugian setakat ini yang melibatkan keluasan tanah 696 hektar telah dilindungi oleh takaful yang dicarum oleh petani, manakala 981 hektar tidak sempat didaftarkan takaful.

Sementara itu, seorang pesawah yang terkesan Eh Nong Eh Dam, 46, dari Bendang Pauh di Tumpat berkata beliau mengalami kerugian mencecah hampir RM30,000, selepas padi yang diusahakan seluas 20 ekar, tidak dapat dituai berikutan ditenggelami banjir.

"Saya berharap nasib saya serta hampir 200 pesawah lain disekitar Tumpat ini terbela dan mendapat perhatian daripada kerajaan negeri mahupun kementerian, dengan menyalurkan bantuan yang sewajarnya demi mengurangkan beban golongan pesawah seperti kami," katanya.

-- BERNAMA

Sumber: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-sektor-pertanian-di-kelantan-kerugian-mencecah-rm10-juta-kada-499482

myMetro

UTAMA MUTAKHIR GLOBAL ARENA RAP/RAPXTRA BISNES ADDIN WM METROTV TITIPAN KASIH GALERI RADIO

## Sektor pertanian di Kelantan rugi RM10 juta akibat banjir

BERNAMA



SAWAH padi di Kampung Luar dan Kampung Tersang, Rantau Panjang ditenggelami banjir. FOTO Nik Abdullah Nik Omar.

Tumpat: Sektor pertanian di negeri Kelantan dianggarkan mengalami kerugian mencecah RM10 juta termasuk kerosakan infrastruktur, susulan banjir gelombang fasa pertama yang berlaku pada akhir bulan lepas.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Khalid Samad berkata antara daerah yang terjejas ialah daerah Kota Bharu Utara, Kota Bharu Selatan, Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas dan Tumpat.

Sumber:https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1163054/sektor-pertanian-di-kelantan-rugi-rm10-juta-akibat-banjir#google_vignette

Sinar Harian

rPlus | Sinar Bestari

Suara Sinar | Sinar Islam | Podcast | Khas | Video | Berita Premium | Untuk A

## Hasil pertanian rugi RM16 juta akibat banjir

ASWANY OMAR Follow

01 Disember 2024 09:05pm
Masa membaca: 2 minit

PASIR MAS - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menganggarkan kerosakan kira-kira RM16 juta hasil pertanian di seluruh negara akibat bencana banjir tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, jumlah kerosakan turut membabitkan padi, sayuran dan perikanan itu mungkin akan meningkat selepas bancian siap sepenuhnya.

Menurutnya, lima jajahan yang terjejas teruk ialah Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh.

"Kementerian berkenaan akan mendapatkan maklumat melalui agensi yang berada di bawah kementerian itu termasuk Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Mohamad memberitahu, tanaman padi paling terjejas diikuti ternakan, sayuran pemeliharaan ikan.

Dalam perkembangan sama Mohamad berkata, seramai 764 pesawah padi di negeri ini mengalami kerugian dianggarkan lebih RM9 juta membabitkan keluasan lebih 1,609 hektar.

Sumber:https://www.sinarharian.com.my/article/699846/berita/semasa/hasil-pertanian-rugi-rm16-juta-akibat-banjir

# IMPAK BANJIR



Berita Harian
@harianmy

Banjir: Sektor pertanian di Kelantan kerugian mencecah RM10 juta - KADA

#BHNasional Khalid berkata, antara daerah yang terjejas ialah daerah Kota Bharu Utara, Kota Bharu Selatan, Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas dan Tumpat

bharian.com.my/berita/nasiona...
Translate post

Banjir: Sektor pertanian di Kelantan kerugian mencecah RM10 juta - KADA | Berita Hari...

From bharian.com.my

6:03 PM · Dec 5, 2024 · 1,217 Views

Sumber: https://x.com/bharianmy/status/1864611540202336758



Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

Home » Sektor pertanian di Kelantan rugi RM33.2 juta akibat banjir

NEGARA

## Sektor pertanian di Kelantan rugi RM33.2 juta akibat banjir

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA 18 Disember 2024, 12:00 pm

TUMPAT – Sektor pertanian di Kelantan mengalami kerugian sebanyak RM33.2 juta akibat banjir yang melanda kebanyakan kawasan di negeri ini sejak hujung bulan lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, jumlah tersebut melibatkan seramai 4,888 golongan sasar Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang terlibat dalam pelbagai sektor pertanian.

Menurutnya, selain itu, seluas lebih 10,229 hektar kawasan pertanian terjejas akibat banjir di Kelantan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak lebih 9,958 hektar kawasan sawah melibatkan seramai 4,207 pesawah yang terlibat dengan bah.

Media sebelum ini melaporkan, sebanyak RM177 juta anggaran nilai kerosakan dalam sektor agromakanan direkodkan akibat banjir pada musim tengkujuh baru-baru ini membabitkan 15,456 petani di seluruh negara.

Mohamad berkata, kira-kira 28,000 hektar kawasan terjejas dengan majoriti membabitkan sawah padi di Kelantan, Kedah dan Terengganu.

Menurutnya, kemusnahan kawasan pertanian itu berdasarkan laporan bermula 27 November hingga 12 Disember lalu meliputi kawasan seluas lebih 28,256 hektar.

Sumber: https://www.kosmo.com.my/2024/12/18/sektor-pertanian-di-kelantan-rugi-rm33-2-juta-akibat-banjir/



Berita RTM
9 Disember pada 6:51PTG

Banjir Kelantan : Lebih 3,000 petani dan penternak terjejas

Layari laman portal berita.rtm.gov.my untuk berita selanjutnya atau ikuti laporan berita penuh di semua platform siaran televisyen dan radio RTM.

Dapatkan berita terkini di Channel WhatsApp Berita RTM! Follow kami di https://whatsapp.com/channel/0029VavQxy21t90TQpwl281t

"Malaysia MADANI : Jiwa Merdeka"

'Yang sahih di Berita RTM'
#RTM #BeritaRTM #MalaysiaMadani #TaatSetia



10 · 5 Perkongsian

Suka · Komen · Hantar · Kongsi

Sumber: https://www.facebook.com/watch/?v=434149276414208



astro AWANI

TERKINI VIDEO MALAYSIA DUNIA POLITIK HIBURAN BISNES SUKAN RANCANGAN GAYA

## Lebih 26,000 hektar tanaman padi ditenggelami banjir di Kelantan - Pesak

Bernama
30/11/2024 10:20 MYT

*Banjir luar biasa tahun ini menyebabkan petani yang mengharapkan ada hasil jualan untuk perbelanjaan puasa, hari raya dan persediaan tahun baharu sekolah, sekali lagi berputih mata. - Foto BERNAMA*

**KOTA BHARU:** Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menganggarkan lebih 26,000 hektar tanaman padi di kawasan seliaan dan luar jelapang mengalami kerosakan susulan banjir yang melanda Kelantan sejak beberapa hari lepas.

Menurut Zuha, kawasan tanaman padi yang terjejas teruk adalah di Pasir Mas, Pasir Puteh dan Tumpat.

Sumber: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-26000-hektar-tanaman-padi-ditenggelami-banjir-di-kelantan-pesak-498632

# PROFIL DEMOGRAFI

| Indikator | Tahun | Nilai | Tahun | Nilai |
|---|---|---|---|---|
| PENDUDUK | 2024 | 189.1 ribu | 2020 | 179.9 ribu |
| TEMPAT KEDIAMAN | 2024 | 46.7 ribu | 2020 | 42.1 ribu |
| ISI RUMAH | 2024 | 37.2 ribu | 2020 | 34.8 ribu |
| UMUR 0-14 | 2024 | 61.1 ribu | 2020 | 61.2 ribu |
| UMUR 15-64 | 2024 | 114.6 ribu | 2020 | 107.0 ribu |
| UMUR 60+ | 2024 | 20.9 ribu | 2020 | 18.3 ribu |
| UMUR 65+ | 2024 | 13.5 ribu | 2020 | 11.7 ribu |
| NISBAH JANTINA | 2024 | 98 | 2020 | 98 |
| KELAHIRAN | 2023 | 3,617 | 2020 | 3,833 |
| KEMATIAN | 2023 | 1,350 | 2020 | 1,152 |
| PERKAHWINAN | 2023 | 2,129 | 2020 | 316 |
| PERCERAIAN | 2023 | 414 | 2020 | 570 |
| PARAS PERBANDARAN | 2020 | 35.1 % | | |
| KEPADATAN | 2024 | 1,049 km² | | |

Nisbah jantina: Lelaki bagi setiap 100 perempuan

**PUNCA KEMATIAN** 2023

| Punca | Bilangan |
|---|---|
| 1. *ISCHAEMIC HEART DISEASES* | 125 |
| 2. *PNEUMONIA* | 111 |
| 3. *CEREBROVASCULAR DISEASES* | 106 |

Sumber :
1. Statistik Perkahwinan dan Penceraian Mengikut Daerah Pentadbiran Tumpat, 2024
2. Anggaran Penduduk Semasa, Daerah Pentadbiran Tumpat, 2024
3. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 Daerah Pentadbiran Tumpat



@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA MADANI
1949-2024 DOSM 75
Ulang Tahun Jubli Intan JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA STATISTIK NADI KEHIDUPAN
2016 - 2030

# PROFIL DEMOGRAFI MENGIKUT MUKIM, TUMPAT, KELANTAN

Berdasarkan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, maklumat penduduk, isi rumah, tempat kediaman, umur muda (0-14 tahun) dan umur tua (65+) mengikut mukim adalah seperti berikut:

| MUKIM | JUMLAH | LELAKI | PEREMPUAN | TEMPAT KEDIAMAN | ISI RUMAH | UMUR MUDA (0-14) (%) | UMUR TUA (65+) (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| MUKIM BECHAH RESAK | 6,456 | 3,217 | 3,239 | 1,581 | 1,303 | 32.1 | 6.7 |
| MUKIM BUNOHAN | 7,180 | 3,672 | 3,508 | 1,545 | 1,333 | 35.6 | 6.8 |
| MUKIM BUNUT SARANG BURONG | 3,784 | 1,809 | 1,975 | 690 | 682 | 37.7 | 5.3 |
| MUKIM CHENDERONG BATU | 8,175 | 4,043 | 4,132 | 1,958 | 1,703 | 29.1 | 7.1 |
| MUKIM CHERANG MELINTANG | 3,962 | 2,015 | 1,947 | 878 | 758 | 30.5 | 6.7 |
| MUKIM GETTING | 10,941 | 5,515 | 5,426 | 2,414 | 1,938 | 32.8 | 4.9 |
| MUKIM JAL | 3,716 | 1,858 | 1,858 | 852 | 734 | 31.5 | 9.1 |
| MUKIM KAMPONG LAUT | 6,289 | 3,058 | 3,231 | 1,335 | 1,123 | 36.8 | 7.1 |
| MUKIM KELABORAN | 3,584 | 1,696 | 1,888 | 914 | 721 | 32.8 | 5.6 |
| MUKIM KETIL | 7,413 | 3,728 | 3,685 | 1,724 | 1,367 | 32.2 | 6.7 |
| MUKIM KOK KELI | 6,975 | 3,434 | 3,541 | 1,545 | 1,325 | 35.2 | 6.0 |
| MUKIM KUTANG | 7,568 | 3,600 | 3,968 | 1,748 | 1,523 | 32.8 | 6.6 |
| MUKIM MAK NERALANG | 1,304 | 668 | 636 | 334 | 286 | 32.1 | 7.8 |
| MUKIM MORAK | 13,691 | 6,682 | 7,009 | 2,966 | 2,509 | 36.2 | 5.7 |
| MUKIM PALEKBANG | 6,015 | 2,990 | 3,025 | 3,476 | 2,915 | 34.3 | 6.7 |
| MUKIM PASIR PEKAN | 14,194 | 6,942 | 7,252 | 1,344 | 1,134 | 32.5 | 6.9 |
| MUKIM PERIOK | 3,405 | 1,716 | 1,689 | 846 | 700 | 32.3 | 7.3 |
| MUKIM PULAU BESAR | 1,046 | 528 | 518 | 171 | 161 | 43.5 | 4.6 |
| MUKIM SELEHONG SELATAN | 5,733 | 2,839 | 2,894 | 1,406 | 1,278 | 29.3 | 8.0 |
| MUKIM SELEHONG UTARA | 6,961 | 3,522 | 3,439 | 1,604 | 1,355 | 36.1 | 6.9 |
| MUKIM SIMPANGAN | 7,976 | 4,141 | 3,835 | 1,425 | 1,300 | 40.1 | 5.8 |
| MUKIM SUNGAI PINANG | 2,602 | 1,252 | 1,350 | 569 | 431 | 38.9 | 5.5 |
| MUKIM TABAR | 491 | 262 | 229 | 104 | 81 | 35.8 | 2.9 |
| MUKIM TALAK | 1,840 | 948 | 892 | 469 | 391 | 27.8 | 7.9 |
| MUKIM TELOK RENJUNA | 2,059 | 1,071 | 988 | 574 | 484 | 26.2 | 8.7 |
| MUKIM TUJOH | 7,078 | 3,458 | 3,620 | 1,420 | 1,285 | 34.8 | 5.5 |
| MUKIM TUMPAT | 10,234 | 5,087 | 5,147 | 3,394 | 2,113 | 35.8 | 5.8 |
| MUKIM WAKAF BHARU | 6,485 | 3,174 | 3,311 | 1,694 | 1,357 | 34.2 | 7.6 |
| MUKIM WAKAF DELIMA | 8,674 | 4,286 | 4,388 | 2,039 | 1,726 | 35.2 | 6.2 |
| BANDAR TUMPAT | 4,113 | 1,982 | 2,131 | 1,094 | 802 | 33.3 | 7.1 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **179,944** | **89,193** | **90,751** | **42,113** | **34,818** | **34.0** | **6.5** |

Sumber: Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 Daerah Pentadbiran Tumpat

- Mukim yang mencatatkan peratus umur muda (0-14 tahun) tertinggi pada tahun 2020 adalah mukim Pulau Besar iaitu 43.5%.

- Mukim yang mencatatkan peratus umur tua (65 tahun dan lebih) tertinggi pada tahun 2020 adalah mukim Jal iaitu 9.1%.



@StatsMalaysia

# STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, TUMPAT

## PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2022

| | PURATA (RM) | PENENGAH (RM) |
|---|---|---|
| JUMLAH | 4,741 | 3,749 |

Sumber : Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA), 2022

## RUMAH IBADAT

**22** MASJID

**1** TOKONG

**10** KUIL

**1** GEREJA

## KESIHATAN

**1** HOSPITAL KERAJAAN

**28** KLINIK KERAJAAN

## GUNA TENAGA

**2.5%** KADAR PENGANGGURAN

**53.0%** KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

## KESELAMATAN

**1** IPD

**7** BALAI POLIS

**3** BALAI BOMBA

## PENDIDIKAN

**35** SEKOLAH RENDAH

**13** SEKOLAH MENENGAH

Sumber : My Local Stats 2023, Tumpat, Kelantan

## PAKW, 2023

Bandar
RM **3,914**

Luar Bandar
RM **4,125**

Sumber : Indikator Kos Sara Hidup Daerah Tumpat, Kelantan, 2023

## KDNK, 2020

(RM Juta)

RM **1,492.6**

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran Tumpat, Kelantan, 2015 - 2020



@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA MADANI
1949-2024 DOSM 75 Ulang Tahun Jubli Intan JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA STATISTIK NADI KEHIDUPAN
2016 - 2030

# BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, TUMPAT




Sumber : *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR), 2024

# LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA, 2024

## NILAI KERUGIAN BANJIR KESELURUHAN

| | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| NILAI KERUGIAN BANJIR KESELURUHAN | RM755.4 juta | ? |

## NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT NEGERI

| Negeri | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| JOHOR | RM275.0 juta | ? |
| KELANTAN | RM139.7 juta | ? |
| TERENGGANU | RM77.7 juta | ? |



## NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT DAERAH



| 2023 | 2024 |
|---|---|
| BATU PAHAT RM104.8 juta | ? |
| SEGAMAT RM54.6 juta | ? |
| PASIR MAS RM26.8 juta | ? |



## NILAI KERUGIAN BANJIR MENGIKUT JENIS KEROSAKAN

| Jenis Kerosakan | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| TEMPAT KEDIAMAN | RM168.3 juta | ? |
| KENDERAAN | RM22.3 juta | ? |
| PREMIS PERNIAGAAN | RM53.2 juta | ? |
| PEMBUATAN | RM10.3 juta | ? |
| PERTANIAN | RM120.6 juta | ? |
| ASET AWAM & INFRASTRUKTUR | RM380.7 juta | ? |

10 MAC 2025

2024

LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



@StatsMalaysia

BANCI 2024 PERTANIAN KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

MALAYSIA MADANI

1949–2024 DOSM 75 Ulang Tahun Jubli Intan JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA STATISTIK NADI KEHIDUPAN

2016 - 2030

# PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK




OpenDOSM



Kawasanku




MyLocal Stats




SDG




MyDemograph
y




MyAgeing Dashboard




MyPAKW




Portal Bencana NADMA